

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]
SOALAN :
TARIKH :**

YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah bilangan pelancong perubatan dan hasil (revenue) daripada mereka yang melawat Malaysia sejak tahun 2011, dan di antaranya beberapa adalah datang dari pekerja asing (foreign patients/expats) dan pelancong kesihatan (health tourist).

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor penyumbang untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi Negara. Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar sebagai destinasi pelancongan kesihatan berdasarkan pelbagai faktor-faktor tarikan seperti kos perubatan yang kompetitif, pakar perubatan yang berkelayakan taraf antarabangsa, sistem penjagaan kesihatan yang baik, fasiliti perubatan yang bertauliah antarabangsa, serta kemudahan perubatan yang canggih dan terkini.

Berikutan dengan ini, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia atau *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) ditubuhkan pada tahun 2009 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mempromosi dan memudahkan pembangunan industri pelancongan kesihatan negara. MHTC melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah jenama *Malaysia Healthcare* untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi pilihan antarabangsa bagi penjagaan kesihatan. Kerajaan menasabahkan pendapatan melalui pelancong kesihatan akan mencapai RM2.7 bilion menjelang tahun 2020.

Usaha-usaha promosi yang dilaksanakan sehingga kini terbukti melalui pertumbuhan data pelancongan kesihatan yang menggalakkan serta pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang memberikan kesan yang amat positif kepada negara.

Prestasi pelancong kesihatan ke Malaysia menunjukkan peningkatan dengan purata pertumbuhan antara tahun 2011 hingga 2015 sebanyak 8% bagi bilangan pelancong kesihatan dan 15% bagi pendapatan yang dijana. Pada tahun 2011, Malaysia telah merekodkan sejumlah RM527 juta pendapatan yang dijana melalui 643,000 pelancong kesihatan. Dalam 5 tahun, prestasi pelancongan kesihatan telah meningkat kepada RM914 juta pendapatan melalui 859,000 pelancong kesihatan, pada tahun 2015.

Berdasarkan pencapaian pada tahun 2015, pecahan pelancong kesihatan (*health tourist*) adalah sebanyak 63% sementara pekerja asing (*foreign patients/expats*) adalah 37%.

Tuan Yang di-Pertua,

Sumbangan pelancongan kesihatan memberikan impak yang besar kepada ekonomi negara, terutamanya apabila mengambil kira kesan pengganda (multiplier effect). Buat masa ini, data yang dikumpul adalah kos perubatan yang dibayar oleh pelancong kesihatan di hospital-hospital swasta. Ini adalah tidak termasuk penjagaan primer, pusat jagaan ambulatori dan kesejahteraan (wellness) serta kos pelancongan, penerbangan, penginapan dan riadah. Tambahan pula, rujukan dari *2014 Global Wellness and Tourism Economy Report* yang dikeluarkan oleh *SRI International*, kesan pengganda (multiplier effect) yang diguna pakai untuk impak pelancongan kesihatan kepada ekonomi ialah 2.24. Jika semua ini diambil kira, pengiraan konservatif impak keseluruhan pelancongan kesihatan kepada ekonomi yang dijangkakan untuk tahun 2016 adalah dianggarkan boleh mencecah hingga RM5 billion.

Kerajaan juga yakin dengan strategi yang telah dipetakan serta sokongan padu daripada semua, tidak kira sama ada pihak Kerajaan, bukan Kerajaan, sektor swasta dan rakyat, Malaysia akan berjaya merealisasikan matlamat negara untuk menjadi destinasi pelancongan kesihatan pilihan di rantau ini.